

GARIS PANDUAN TEMPAHAN DAN SEWAAN RUANG DI FAKULTI TEKNOLOGI DAN INFORMATIK RAZAK

1. Tempahan dan sewaan ruang di Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR) adalah terbuka kepada semua staf UTM, pelajar dan pihak luar.
2. Permohonan tempahan dan sewaan ruang hendaklah dilakukan melalui sistem secara atas talian sahaja di <https://razak.utm.my/facilities-booking/>
3. Permohonan hendaklah dilakukan selewat-lewatnya satu (1) hari bekerja sebelum tarikh penggunaan ruang. Bagi permohonan melibatkan sewaan ruang, tempahan hendaklah dibuat selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh penggunaan ruang tersebut.
4. Sekiranya tempahan ruang dibuat selepas waktu pejabat, semakan permohonan hanya akan dibuat pada hari bekerja berikutnya.
5. Bagi tempahan yang dibuat oleh pelajar, pemohon perlu mendapat kelulusan daripada Penyelia Penyelidikan atau Penyelaras Program terlebih dahulu dengan memuat turun Borang Kelulusan di <https://razak.utm.my/wp-content/uploads/2020/06/Approval-Form-for-Space-usage-by-students.pdf>. Borang Kelulusan yang telah lengkap hendaklah dilampirkan semasa permohonan tempahan ruang secara atas talian dilakukan.
6. Kesemua tempahan melibatkan pihak luar adalah dikenakan bayaran dan kadar sewaan boleh dirujuk di <https://razak.utm.my/facilities-rental-rates/.>
7. Permohonan tempahan ruang oleh mana-mana staf UTM akan dikenakan bayaran sekiranya penggunaan ruang melibatkan program bukan rasmi UTM atau program luar yang berbayar sama ada ianya adalah anjuran staf UTM mahu pun anjuran pihak luar.
8. Bagi tempahan dan sewaan ruang oleh staf FTIR yang melibatkan program bukan rasmi UTM, akan diberikan potongan harga sebanyak 30% dari nilai sewaan ruang tidak termasuk penyewaan alatan tambahan seperti projektor LCD, komputer riba, '*flip chart*' dan paparan skrin.
9. Sekiranya permohonan tempahan dan sewaan ruang oleh staf UTM daripada PTJ lain bagi mana-mana program bukan rasmi UTM, permohonan potongan harga sewaan boleh dibuat melalui surat/e-mail rasmi kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi, Pembangunan dan Alumni) untuk kelulusan.
10. Sebarang masalah berkaitan sistem tempahan ruang boleh diadukan kepada Unit Fasiliti/IT fakulti di talian 03-2180 5192/5219 pada hari Isnin hingga Jumaat jam 8.30 pagi hingga 4.30petang.

CARTA ALIR TEMPANAH DAN SEWAAN RUANG DI FAKULTI TEKNOLOGI DAN INFORMATIK RAZAK

